

MyGDI

NEWSLETTER



EDISI 1 TAHUN 2023

- SOROTAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARAS MyGDI KEBANGSAAN (JPMK) KE-13 Halaman 1
- PENYERTAAN ARTIKEL GEOSPATIAL DALAM BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (BGS) EDISI 2023 Halaman 2

SOROTAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARAS MyGDI KEBANGSAAN (JPMK) KE-13

Bagi menjayakan pelaksanaan Program Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI), Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) telah ditubuhkan sebagai pembuat dasar dan keputusan berkaitannya. Di bawah JPMK, terdapat empat (4) jawatankuasa teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal Framework MyGDI (JTFM), Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM), Jawatankuasa Teknikal Clearinghouse MyGDI (JTCM) dan Jawatankuasa Teknikal Marin MyGDI (JTMM). Sebagai pelengkap kepada jawatankuasa ini di peringkat negeri, dua (2) lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelarasan MyGDI Negeri (JPMN) dan Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri (JTMN) turut bernaung di bawah JPMK.

Mesyuarat JPMK Ke-13 telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada 7 April 2023 jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Mutiara, Aras 13, Wisma Sumber Asli, NRECC, Putrajaya. Timbalan Pengerusi JPMK adalah Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) manakala Pusat Geospatial Negara (PGN), NRECC sebagai penyelaras Program MyGDI merangkap sekretariat mesyuarat ini.

JPMK Ke-13 telah berjaya membincangkan perkara-perkara berkaitan laporan kemajuan pelaksanaan Program MyGDI, aktiviti perkongsian maklumat geospatial serta penambahbaikan pekeliling-pekeliling dan prosedur operasi standard (SOP) MyGDI. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua agensi dan jabatan yang telah terlibat menyokong dan menjayakan Program MyGDI selama ini.



PENYERTAAN ARTIKEL GEOSPATIAL DALAM BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (BGSA) EDISI 2023

PGN, NRECC selaku penyelaras Program MyGDI berperanan untuk mempromosi perkongsian dan pelepasan data geospatial dalam kalangan agensi kerajaan (G2G) dan institusi pendidikan (G2E) bagi tujuan kajian, analisis, perancangan, pengurusan dan pembangunan negara. PGN, NRECC juga turut menerbitkan Buletin Geospasial Sektor Awam (BGSA) pada setiap tahun sebagai salah satu medium promosi Program MyGDI. Sekiranya anda adalah pemain industri di sektor awam atau swasta serta berbakat dalam penulisan berkaitan geospatial, serlahkan bakat dan kreativiti penulisan anda untuk penerbitan artikel dalam buletin ini.

Karya yang terpilih akan menerima hadiah wang tunai **RM150.00** sebagai penghargaan!

The image shows an open book displaying the MyGDI Newsletter Edisi 1 Tahun 2023. The book features several pages of the BGSA 2023 edition, each containing a different article. The visible pages include:

- GeoBencana**: An article by Sr Jasmar Bin Jamaludin, SME, from Jabatan Ukar dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). It discusses the use of mobile phones for distance measurement and potential mapping tools. Authors: 1. Abdul Azhar Bin Ibrahim, 2. Faeizah Binti Mahamat.
- TELEFON PINTAR: KETEPATAN JARAK DAN POTENSI ALAT UKUR MASA HADAPAN**: An article by Sr Jasmar Bin Jamaludin, SME, from JUPEM. It discusses the use of mobile phones for distance measurement and potential mapping tools. Authors: 1. Abdul Azhar Bin Ibrahim, 2. Faeizah Binti Mahamat.
- Sambungan Tenaga Boleh Baharu Kini Lebih Mudah Dengan Aplikasi Distributed Generation (DG) Hosting Capacity Map**: An article by Muhamad Had bin Kadir, Hasilana binti Mohamad, Mazura binti Yusof, and Nik Mohd Fadhil bin Nik Mohd Kamil from Projek GIS Distribution Network, Tenaga Nasional Berhad. It discusses the use of mobile phones for distance measurement and potential mapping tools. Authors: 1. Muhamad Had bin Kadir, 2. Hasilana binti Mohamad, 3. Mazura binti Yusof, 4. Nik Mohd Fadhil bin Nik Mohd Kamil.
- MAPPING MELALEUCA FOREST FROM MULTISPECTRAL SATELLITE SENSORS**: An article by Forest Research Institute of Malaysia (FRIM). It discusses the use of mobile phones for distance measurement and potential mapping tools. Authors: 1. Siti Yasmin Binti Yaakub, 2. Muhammed Alzirul Bin Miaman, 3. Dr. Hamdan Bin Ishak.
- E-POLYTAGE: WEB-GIS APPLICATION FOR DIGITAL ARCHIVE OF MEASURED DRAWING DATABASE FOR MALAKA HERITAGE BUILDINGS**: An article by Shariful Hapizah Binti Musa, Noor Suhazra Binti Sauti, Noor Azidah Binti Abdullah, Fadhillah Binti Mohd Nasir, and Prof. Yahaya Bin Ahmad from FRIM. It discusses the use of mobile phones for distance measurement and potential mapping tools. Authors: 1. Shariful Hapizah Binti Musa, 2. Noor Suhazra Binti Sauti, 3. Noor Azidah Binti Abdullah, 4. Fadhillah Binti Mohd Nasir, 5. Prof. Yahaya Bin Ahmad.
- DIBUKA SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023**: A call-to-action banner at the bottom of the page.

Diterbitkan oleh:

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

TEL: 03-8886 1156

FAKS: 03-8889 4851



KEMENTERIAN SUMBER ASLI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM